

Tuntutan Pembangunan Lestari dan Mapan

oleh

SAMIRUL ARIFF BIN OTHMAN

Pegawai Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Dunia sedang berhadapan dengan dilemma disebabkan bahan mentah dan sumber asli diperlukan untuk melakukan pembangunan, akan tetapi pendekatan ekonomi perindustrian dalam membekalkan bahan-bahan tersebut telah mengakibatkan kemusnahan teruk pada Alam Sekitar dan seterusnya memberi kesan negatif terhadap sumber-sumber yang diperlukan untuk kesinambungan hidup.

Akan tetapi, mungkin terdapat jalan keluar dari dilemma ini, iaitu dengan mengambil pendekatan “pengurusan alam sekitar preventif.” Kaedah pendekatan ini mengurangkan kos berkaitan pencemaran dan dengan itu menambah dan bukannya mengurangkan keuntungan korporat. Sehubungan dengan ini, harus berlaku anjakan kearah “ekonomi sektor perkhidmatan,” berbanding dengan tumpuan terhadap pengeluaran barangan perkhidmatan.

Pencemaran akibat kegiatan perindustrian mengakibatkan banyak kos-kos yang tidak diingini selain kemusnahan alam sekitar, bahkan termasuk aktiviti pembersihan pencemaran selain dari mendatangkan mudarat ke atas kesihatan.

Untuk membolehkan manusia meneruskan penghidupan yang lebih baik dan berkembang maju, tuntutan bercanggah diantara pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar harus diseimbangkan. Namun demikian tiada jalan penyelesaian mudah untuk masalah rumit ini kerana seringkali usaha untuk mencari takat keseimbangan diantara pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar menemui jalan buntu.

Konsep dan Prospek Pembangunan Lestari dan Mapan

Dalam bukunya *Material Concerns: Pollution, Profit and Quality of Life*, Profesor Tim Jackson, seorang ahli “*ecological economics*” yang juga merupakan seorang Profesor Pembangunan Lestari dan Mapan yang ulung menyarankan agar suatu pendekatan radikal dilakukan untuk mengurangkan kuantiti bahan yang diperlukan untuk melakukan sesuatu kegiatan ekonomi, iaitu proses penyahbahanan (*dematerialization*). Keadaan ini berlaku apabila terdapat suatu kecekapan yang tinggi dimana lebih fungsi ekonomi dapat dijalankan menggunakan kurang kuantiti input bahan, “*doing more with less.*” Elemen utama pendekatan ini adalah proses “pengurusan alam sekitar preventif” yang membabitkan usaha untuk mengurangkan penggunaan bahan semulajadi alam sekitar. Sesungguhnya berusaha untuk mencegah pencemaran adalah lebih utama daripada cuba untuk membersihkan akibat pencemaran. Secara amnya pembersihan pencemaran bukan sahaja mahal tetapi mungkin juga tidak berapa berkesan.

1

Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Manakala komponen lain daripada cadangan Profesor Jackson bertukar dari sistem ekonomi sediaada berasaskan bahan (existing goods-based economy) kepada sistem ekonomi bertunjangkan penyediaan perkhidmatan iaitu ekonomi berteraskan sektor perkhidmatan. Sudah pasti ini merupakan kaedah yang lebih mesra alam untuk syarikat-syarikat korporat mendapat laba ekonomi yang lumayan.

Semua perkhidmatan ini memerlukan bahan input dan output dan insentif untuk menambahkan kecekapan dan efisiensi akan dipacu melalui inovasi komersial. Ini semua akan berlaku apabila usaha dibuat untuk menambah baik kecekapan dalam suatu sistem ekonomi yang berteraskan sektor perkhidmatan.

Sebenarnya, sistem ekonomi yang berteraskan sektor perkhidmatan juga merupakan suatu cara yang efisien untuk membolehkan pengguna memenuhi kehendak material dan bukan-material. Profesor Jackson memberikan beberapa idea praktikal tentang bagaimana tuntutan pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar dapat diselarasakan.

Halangan utama untuk merealisasikan perubahan-perubahan tersebut dalam sistem sediaada adalah sistem yang digunapakai hari ini telah mengambil masa yang laman untuk bertapak (beberapa ratus tahun). Manakala merubah system ekonomi memerlukan penyertaan masyarakat dunia sejagat. Masyarakat perlu faham akan natijah buruk sistem sediaada dan mereka pula sanggup berusaha mengubahnya.

Cabaran merealisasikan Ekonomi Lestari dan Mapan

Cara kehidupan yang kita biasa lalui akan turut terpaksa berubah, dan sudah tentu pemerintah mesti memainkan peranan penting dalam proses ini apabila ianya membabitkan kepentingan politik, perniagaan dan sebagainya. Kita juga boleh menjangkakan banyak halangan dari syarikat-syarikat perindustrian untuk mengubah corak perjalanan industri mereka. Mereka lebih selesa dengan sistem sediaada disebabkan mereka mempunyai kepentingan diri tersirat dan akan bertindak agresif untuk menghalang sebarang perubahan.

Seperti yang dijangkakan, beberapa industri adalah lebih susah diubah dari yang lain, dan lazimnya industri yang mendapat manfaat terbanyak dari sistem sediaada adalah yang paling susah diubah.

Kerajaan juga harus menggubal undang-undang dan memberikan insentif untuk mengalakkan syarikat dan individu berubah. Peranan pengguna dalam usaha melakukan perubahan juga tidak boleh dipandang ringan. Sebenarnya syarikat-syarikat berkelakuan sedemikian rupa disebabkan mereka cuba memenuhi kehendak pengguna.

Mungkin juga pengguna harus memikul sebahagian dari beban untuk menjadikan pembangunan ekonomi bersifat lestari dan mapan. Dunia sejagat sebenarnya tidak ditakdirkan, tidak tertakluk dan tidak terikat untuk menerima sistem sediaada yang banyak memberikan penekanan kepada input dan output bahan. Sebaliknya sistem kontemporari sediaada yang bertapak cuma merupakan satu fasa pembangunan dalam sejarah ketamadunan manusia. Sudah tentu terdapat lebih dari satu cara dimana kehendak manusia dan dipenuhi.

Sepanjang sejarah peradaban manusia, pelbagai budaya telah mengadaptasi pelbagai cara untuk memenuhi keperluan dan kehendak. Dalam masyarakat ekonomi perindustrian yang telah membangun, kaedah dominan yang digunakan adalah jalan/lorong pembangunan khusus (*specific development path*) yang berasaskan sistem pengeluaran (*production*) dan penggunaan (*consumption*).

Namun demikian pendekatan alternatif lain juga wujud (*alternative approaches do exist*) dan adalah mungkin untuk dunia bertukar dari menggunakan satu sistem ke sistem yang lain.

Akan tetapi usaha untuk mewujudkan suatu anjakan paradigma dimana ekonomi dan alam sekitar saling berinteraksi dalam suasana harmoni tentu sekali merupakan suatu cabaran yang getir. Pun begitu, inilah isu menekan yang tidak boleh diabaikan atau ditanggihkan meskipun terdapat pelbagai kesusahan, halangan dan rintangan. Yang menjadi pertarungan adalah kelestarian planet bumi dimana akhirnya ianya akan menentukan kesinambungan hidup manusia.

Sungguhpun buah fikiran Profesor Jackson agak radikal tetapi cadangan- cadangan tersebut adalah perlu. Seharusnya cadangan-cadangan diterima dan dilaksanakan secepat mungkin.

Perjalanan kita ke hadapan masih jauh dan karya Profesor Jackson mengorak langkah pertama. *Material Concerns* membuka laluan untuk dialog sementara memberikan persepsi mendalam perubahan-perubahan psikologi dan material yang perlu dilakukan. Idea-idea Pembangunan Lestari dan Mapan beliau diteruskan dalam karya-karya beliau seperti “*The Cinderella economy: an answer to unsustainable growth?*” dan “*Developing an Ecological Macroeconomics.*”

Akhir kata pembangunan lestari dan mapan adalah juga tuntutan Agama Islam, seperti mana dijelaskan dalam karya Ibrahim Abdul-Matin bertajuk “*Green Deen: What Islam Teaches about Protecting the Planet.*” Bertitik tolak dari pengalamannya diajar bersolat ketika mendaki gunung, beliau memetik dari riwayat Abu Sa'id Al-Khudri yang berkata; Ar-Rasul s.a.w. bersabda: "Seluruh bumi adalah masjid (tempat sujud)." Seterusnya Ibrahim menggariskan 6 prinsip dalam Agama Islam yang berkait rapat dengan Alam Sekitar iaitu *tawhid*, melihat tanda kekuasaan Allah swt (*ayat*), menjadi *khalifah*, menjaga *amanah*, berlaku *adil* dan menjaga neraca keseimbangan dengan alam sekitar (*almizan*).

Maksud dari Ayat 41, Surah Ar-Rum dimana Allah swt berfirman “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”